

## **LKIM beri amaran kepada nelayan**

BACHOK 17 Jan. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kelantan memberi amaran akan menarik balik elaun bulanan dan lesen bot nelayan yang didapati menjual diesel subsidi kepada pihak ketiga.

Pengarah LKIM negeri, Wan Adnan Wan Ibrahim berkata, pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tersebut sekiranya menerima laporan dan bukti kukuh berkaitan penyelewengan subsidi bahan api itu.

Beliau berkata, LKIM tidak boleh bertolak ansur dengan nelayan terbabit kerana penjualan diesel subsidi merupakan satu kesalahan serius.

"LKIM tetap memantau perkembangan ini walaupun setakat ini kes seumpama ini dilaporkan tidak berlaku di negeri ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Wan Adnan berkata, kerajaan memberikan subsidi sebanyak RM1.25 sen seliter kepada setiap nelayan di negeri ini dan pemberian itu sangat bermakna kerana ia dapat meringankan beban mereka, mengambil kira harga semasa bahan bakar itu yang mencecah hampir RM2 seliter.

"Kerajaan masih meneruskan pembelaan terhadap kaum nelayan kerana hanya mereka yang masih menikmati pemberian minyak bersubsidi berbanding pengguna lain di negara ini," katanya.

Justeru katanya, nelayan seharusnya bersyukur dan berterima kasih dengan pemberian itu dan tidak bersikap tamak dengan menjual pula diesel subsidi terbabit kepada pihak ketiga bagi mengaut keuntungan segera.

Menurutnya, matlamat kerajaan untuk membantu mereka tidak akan tercapai sekiranya nelayan sendiri terus melakukan penyelewengan.

Beliau berkata, selain subsidi diesel dan elaun bulanan, Kerajaan Pusat turut menyalurkan peruntukan lebih RM7.2 juta pada tahun lalu bagi pembangunan insan dan pelbagai insentif lain kepada nelayan di negeri ini.

"Daripada jumlah itu, RM1 juta dikhaskan untuk pembayaran elaun sara hidup membabitkan 453 nelayan, RM610,500 lagi di bawah projek pembangunan membabitkan 53 nelayan miskin dan RM175,972 pula berupa insentif produktiviti hasil tangkapan kepada 93 nelayan di Bachok," katanya.